

Udang, ikan terkena racun

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my
HM 04/05/23 M 15 19
Kuantan

Perbuatan tidak bertanggungjawab mera-
cun dikesan berlaku di Sungai Belat, di sini kelma-
rin hingga menyebabkan ba-
nyak udang galah dan ikan
mati.

Beberapa nelayan darat mendakwa sebelum ini kesama berlaku pada awal Ramadhan yang turut menyebabkan banyak hidupan sungai berkenaan terutama udang galah dan pelbagai spesies ikan mati.

Nelayan darat yang hanya mahu dikenali sebagai Zul, 36, berkata, udang galah yang berada dalam lukah nelayan hampir semua mati disebabkan dipercayai me- nerima aliran air sungai yang membawa bersama ra- cun.

Menurutnya, sebelum ini ada nelayan melihat udang melompat di permukaan air mungkin disebabkan kesan racun yang terdapat dalam Sungai Belat yang bersambung dengan beberapa

sungai lain termasuk Sungai Kuantan dan Sungai Rasau.

"Udang galah yang mati dalam lukah nelayan bukan saja berbau busuk, tetapi juga bertukar warna menjadi kemerahan, udang yang mati secara semula jadi tidak bertukar warna dengan ketara.

"Kesan racun sekurang-kurangnya selama seminggu berta- han dalam air sungai, dalam tempoh berkenaan aktiviti memancing tidak dapat dilakukan kerana udang tiada," katanya, di sini semalam.

Katanya, faktor air pasang besar yang berlaku dapat mempercepatkan lagi air sungai yang akan membawa bersama racun digunakan pihak tidak bertanggungjawab.

Zul berkata, dia dan ne- layan darat Sungai Belat yang lain termasuk kaki pan- cinc kini menangguhan akti- viti memancing berikut kes meracun yang berlaku.

Nelayan darat yang mahu

dikenali sebagai Sulaiman, 53, berkata, aktiviti meracun mungkin dilakukan di sungai lain, namun kesan racun turut berlaku di Sungai Belat.

"Lebih tiga kilogram udang galah saya dalam lu- kah mati, semua terpaksa dibuang kerana bimbang kesan buruk berlaku pada pengguna," katanya yang berharap pihak berkuasa memberi perhatian terhadap kes me- racun di sungai.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Pahang, Abdullah Ja- afar berkata, pihaknya me- larang penggunaan racun tuba, bahan letupan dan elektrik bagi menangkap udang dan ikan di sungai, lombong serta tasik.

"Mereka yang didapati bersalah boleh didakwa di bawah Kaedah-Kaedah Peri- kanan (Perairan Sungai) 1991 yang boleh dikompaun atau didakwa di mahkamah," katanya.



SEORANG nelayan darat menunjukkan udang galah yang mati dipercayai terkena racun di Sungai Belat.